Cymun Development Sdn Bhd lwn Supermax Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PETISYEN PENGGULUNGAN SYARIKAT NO 28-41-1994
FAIZA TAMBY CHIK H
21 FEBRUARI 1995

Syarikat dan Perbadanan *— Penggulungan — Petisyen di bawah s 218 — Sama ada tuntutan balas menggagalkan petisyen penggulungan mengikut s 218(2)(c) — Sama ada terdapat pertikaian bona fide — Akta Syarikat 1965 s 218(2)(c)*

Syarikat dan Perbadanan *— Penyampaian dokumen — Penyampaian notis tuntutan di tempat perniagaan dan bukannya di pejabat berdaftar — Sama ada notis tuntutan itu sah — Akta Syarikat 1965 s 218(2)(a)*

Pempetisyen telah mengemukakan suatu petisyen untuk penggulungan responden atas alasan bahawa responden tidak berupaya membayar hutang penghakiman yang diperolehi oleh pempetisyen terhadapnya. Petisyen itu telah dibuat mengikut s 218(1)(a) Akta Syarikat 1965 ('Akta itu') yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk menggulung sesebuah syarikat yang tidak berupaya membayar hutangnya. Responden menghujah bahawa perintah penggulungan tidak harus dibuat memandangkan: (i) ia mempunyai tuntutan balas terhadap pempetisyen dan ini harus diambil kira mengikut s 218(2)(c) Akta itu; (ii) ia telah memfailkan suatu notis rayuan pada 16 Mac 1993 terhadap hutang penghakiman itu dan ini bermaksud bahawa hutang penghakiman itu dipertikaikan secara bona fide; dan (iii) notis tuntutan di bawah s 218(2)(a) Akta itu adalah buruk di sisi undang-undang kerana ia telah dihantar ke alamat perniagaan responden dan bukan ke alamat berdaftarnya.

Diputuskan, membenarkan petisyen itu:

(1) Pempetisyen telah memfailkan permohonan penggulungan di bawah s 218(2)(a) dan bukannya di bawah s 218(2)(c) Akta itu. Setelah menerima tuntutan daripada pempetisyen untuk membayar hutang penghakiman itu, responden telah abai selama tiga minggu untuk membayar, menjamin atau mengkompaun tuntutan itu bagi memuaskan hati pempetisyen secara munasabah. Tidak terdapat suatu kes prima facie mengenai tuntutan balas responden kerana ia telah gagal meneruskan tuntutan balasnya atau memperolehi penghakiman terus di bawah A 26A k 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') atau mendapatkan penggantungan pelaksanaan hutang penghakiman tersebut di bawah A 26A k 3(2) KMR.

(2) Hutang penghakiman itu telah diperolehi di bawah A 26A KMR, iaitu suatu penghakiman terus, atas alasan bahawa responden tidak mempunyai pembelaan terhadap tututan itu dan tidak terdapat isu atau soalan yang dipertikaikan yang patut dibicarakan. Dengan itu, responden tidak mempunyai pertikaian bona fide terhadap tuntutan pempetisyen.

(3) Tujuan keseluruhan sesuatu notis tuntutan ialah untuk memberi amaran kepada responden mengenai sesuatu petisyen penggulungan. Tuntutan itu telah dibuat secara bertulis, ditandatangani dan menyatakan jumlah yang kena dibayar. Notis itu telah diterima oleh responden dan ia telah memasukkan memorandum kehadiran. Dengan itu, tiada sebarang ketidakadilan yang berlaku di sini yang akan menjadikan notis tuntutan itu buruk di sisi undang-undang.

[English summary

The petitioner presented a petition for the winding up of the respondent on the ground that the respondent was unable to pay the judgment debt obtained by the petitioner against it. The petition was made pursuant to s 218(1)(a) of the Companies Act 1965 ('the Act') which empowers the court to wind up a company which is unable to pay its debts. The respondent submitted that the winding-up petition should not be granted as: (i) it had cross-claims against the petitioner and this should be taken into consideraton according to s 218(2)(c) of the Act; (ii) it had filed a notice of appeal on 16 March 1993 against the judgment debt and this was a bona fide dispute of the judgment debt; and (iii) the notice of demand under s 218(2)(a) of the Act was bad in law because it was delivered to the respondent's business address and not to its registered address.

Held, allowing the petition:

(1) The petitioner had filed the winding-up petition under s 218(2)(a) and not under s 218(2)(c) of the Act. Following the receipt of the demand from the petitioner to pay the judgment debt, the respondent had neglected for three weeks to pay, secure or compound the demand to the reasonable satisfaction of the petitioner. There was no prima facie case of the respondent's counterclaim because it had failed to continue with the counterclaims or obtain summary judgment under O 26A r 5(1) of the Subordinate Courts Rules 1980 ('SCR') or obtain a stay of execution of the judgment debt under O 26A r 3(2) of the SCR.

(2) The judgment debt was obtained under O 26A of the SCR, ie a summary judgment, on the ground that the respondent did not have a defence against the claim and there was no issue or question which was disputed which had to be tried. Therefore, the respondent did not have a bona fide dispute against the petitioner's claim.

(3) The overall objective of a notice of demand is to give notice to the respondent of a winding-up petition. The demand had been made in writing, was signed and stated the amount which was due. The notice was received by the respondent and it had entered a memorandum of appearance. Therefore, no injustice had occurred here to render the notice of demand bad in law.]

Nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen penggulungan, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 518–537.

Untuk kes-kes mengenai penyampaian dokumen atas sesebuah syarikat, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 302–309.

Kes-kes rujukan

Mechanised Construction Pte Ltd, Re [1989] 3 MLJ 9 (dirujuk)
Ng Ah Kway v Tai Kit Enterprise Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 58 (dirujuk)
Perusahaan Jenwatt Sdn Bhd, Re [1990] 2 MLJ 178 (dirujuk)
Securicor (M) Sdn Bhd v Universal Cars Sdn Bhd [1985] 1 MLJ 84 (diikut)
Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd, Re [1990] 2 MLJ 108 (dirujuk)

Undang-undang rujukan

Akta Syarikat 1965 s 218(2)(a), (c)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A kk 3(2), 5(1)
Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 kk 25(1), 194(1)

Benothini Bascaran (*Murali B Pillai & Associates*) bagi pihak pempetisyen.
YS Leong (*Low Hop Bing, Koh Kong & Associates*) bagi pihak responden.

Faiza Tamby Chik H: Dalam kes ini, si responden berhutang dengan si pempetisyen sebanyak RM15,377.25 bersama dengan bunganya pada kadar 8% setahun dari 3 Julai 1991 sehingga tarikh penghasilan. Jumlah itu adalah suatu hutang penghakiman di bawah A 26A yang diperolehi si pempetisyen pada 12 Mac 1993 melalui saman No S1–52–567–91 di Mahkamah Sesyen di Shah Alam di hadapan seorang majistret di situ. Saman itu diasaskan pada barang-barang yang telah dijual dan dihantar serah. Dalam afidavit pengarah urusannya bertarikh 29 Oktober 1994, si responden mengikrarkan bahawa ianya mempunyai tuntutan balas terhadap si pempetisyen sejumlah RM48,518.68; kerananya perintah penggulungan yang dipohon oleh si pempetisyen itu tidak sepatutnya dibuat sehingga tuntutan balas yang melebihi hutang yang dituntut didengar. Oleh hal yang demikian, si responden menafikan bahawa ianya tidak mampu membayar hutangnya.

Dapat diperhatikan bahawa si responden adalah sebuah syarikat yang berniaga terutamanya dalam perniagaan sarong tangan getah dan agen komisen. Dalam pernyataan kewangan yang berakhir pada 31 Mei 1992, ditunjukkan bahawa ianya mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM285,182 (lihat eks ST4). Perlu diperhatikan juga bahawa dari bulan Jun 1992, si responden telah berhenti berniaga dan daripada tarikh tersebut ianya telah tidak aktif lagi.

Dalam hujahnya di mahkamah, peguambela bagi pihak responden menekankan bahawa notis permintaan (demand notice) di bawah s 218 Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut') telah dihantar ke alamat perniagaan, bukannya ke alamat berdaftar responden. Kerana permintaan (demand)

si pempetisyen itu tidak mematuhi secara ketat pada peruntukan s 218(2)(a) Akta tersebut yang memerlukan meninggalkan di pejabat berdaftar responden permintaan itu. (Lihat kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd* [1990] 2 MLJ 108 dan kes *Re Perusahaan Jenwatt Sdn Bhd* [1990] 2 MLJ 178.) Jadinya, hujah peguambela itu, permintaan itu adalah buruk (bad) di sisi undang-undang. Seterusnya, peguambela itu menghujahkan bahawa pihak pempetisyen hendaklah membuktikan dengan jelas bahawa pihak responden tidak mampu membayar hutangnya dan dalam menentukan sama ada syarikat itu adalah tidak mampu membayar hutangnya, mahkamah hendaklah mengambilkira tanggungan syarikat yang dijangkakan atau prospektif. (Lihat s 218(2)(c) Akta tersebut.) Oleh sebab itu, anggapan yang dibuat oleh Chan Hoong Mun, pengarah urusan si pempetisyen dalam perenggan 6.1 afidavitnya (lihat lamp 5) adalah suatu salah anggapan kerana tidak ada sokongan keterangan langsung. Dalam kes *Securicor (M) Sdn Bhd v Universal Cars Sdn Bhd* [1985] 1 MLJ 84 diputuskan bahawa:

> ... it is not the neglect to meet the demand of the creditor that gives the jurisdiction to the court to order that the company be wound up but the inability of the company to pay its debts. It is the presumption arising from the neglect to meet the demand that gives the court the jurisdiction. This presumption is rebuttable.

Dalam kes ini, hujah peguambela itu lagi, terdapat suatu tuntutan balas yang melebihi hutang terhadap si pempetisyen, kerananya anggapan itu telah tersangkal.

Perkara yang perlu dipertimbangkan di sini ialah adakah dengan memfailkan suatu notis rayuan pada 16 Mac 1993 terhadap hutang penghakiman itu tanpa memohon penggantungan pelaksanaannya sehingga ke saat ini boleh dianggap bahawa hutang penghakiman itu ditikaikan secara bona fide dan kerana itu perintah penggulungan tidak boleh dibuat (lihat kes *Ng Ah Kway v Tai Kit Enterprise Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 58 dan *Re Mechanised Construction Pte Ltd* [1989] 3 MLJ 9) dan dalam suasana demikian, jalan yang teratur bagi si pempetisyen adalah untuk memfailkan suatu tindakan sivil untuk menentukan tuntutan yang dipertikaikan itu. Perlu diperhatikan bahawa hutang penghakiman itu diperolehi di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, iaitu suatu penghakiman terus yang pada intinya beralaskan bahawa si responden tidak mempunyai pembelaan kepada tuntutan itu. Sayugia diingati bahawa tuan majistret dalam membenarkan tuntutan si pempetisyen pada 12 Mac 1993 itu telah juga meneliti dan mempertimbangkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas responden bertarikh 4 September 1991. Adalah jelas di sini bahawa di perbicaraan di mahkamah bawah itu, tuan majistret tersebut telah berpuas hati bahawa tiada isu atau soalan yang dipertikaikan yang patut dibicarakan atau kerana sesuatu sebab yang lain patut diadakan perbicaraan dan kerananya tuan majistret tersebut telah memberikan penghakiman memihak kepada si pempetisyen. Sayugia diingati juga bahawa tuan majistret, sungguhpun sedar bahawa ada wujud tuntutan balas yang dibuat oleh si responden, telah tidak menggantungkan pelaksanaan penghakiman yang memihak kepada si pempetisyen. Lagipun, perlu diperhatikan di sini bahawa si responden di mahkamah bawah tidak meneruskan tuntutan

balasnya atas alasan bahawa si pempetisyen tidak mempunyai apa-apa pembelaan kepada tuntutan yang dibuat dalam tuntutan balasnya itu. Dalam suasana keterangan sedemikian, saya memutuskan bahawa tiada suatu tikaian yang bona fide atau suci hati terhadap tuntutan si pempetisyen itu dibuat oleh si responden. Seterusnya, saya berpandangan bahawa oleh kerana tiada sebarang penggantungan pelaksanaan dibuat oleh mahkamah bawah di bawah A 26A k 3(2) dan tiada permohonan untuk penghakiman terus atas tuntutan balas si responden dibuat di bawah A 26A k 5(1) dilakukan, maka tiada suatu kes prima facie ditunjukkan di sini mengenai tuntutan balas responden itu.

Dalam kes ini, si pempetisyen memohon penggulungan responden atas keadaan tidak mampu untuk membayar hutangnya di bawah s 218(2)(a) Akta tersebut dan bukannya di bawah s 218(2)(c) Akta tersebut. Di sini, si pempetisyen memfailkan permohonan penggulungan dengan meninggalkan suatu permintaan menghendaki responden membayar hutang penghakiman yang diperolehinya pada 12 Mac 1993 di pejabat perniagaan responden dan responden telah untuk tiga minggu selepas itu abai untuk membayar hutang penghakiman atau menjamin atau mengkompaun kepada pempetisyen bagi memuaskan hati pempetisyen secara munasabah.

Satu perkara yang disebut di bawah s 218(2)(a) Akta tersebut adalah notis permintaan itu hendaklah ditinggalkan di pejabat berdaftar. Dalam kes kita, permintaan itu ditinggalkan di pejabat perniagaan. Kerananya dikatakan permintaan itu tidak mematuhi secara ketat peruntukan tersebut. Akibatnya, permintaan itu adalah buruk di sisi undang-undang. Saya berpendapat tujuan keseluruhan permintaan atau tuntutan itu ialah memberi amaran kepada responden mengenai petisyen penggulungan itu. Dalam kes ini, permintaan itu dibuat secara bertulis dan ditandatangani dan telah menyebutkan jumlah yang sebenar kena dibayar. Walaupun permintaan itu ditinggalkan di pejabat perniagaan, ianya telah diterima oleh responden dan responden telah memasukkan memorandum kehadiran (lihat lamp 4). Lagipun, k 25(1) Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 (Companies (Winding Up) Rules 1972) telah dipenuhi (lihat lamp 11). Adalah nyata daripada k 194(1) Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 yang berbunyi:

> No proceedings under the Act or the Rules shall be invalidated by any formal defect or any irregularity, unless the court is of the opinion that substantial injustice has been caused by the defect or irregularity, and that the injustice cannot be remedied by any order of the Court.

bahawa tiada sebarang ketidakadilan penting telah berlaku di sini disebabkan permintaan itu telah dihantar ke pejabat perniagaan dan saya memutuskan sedemikian.

Atas alasan di atas saya memberi perintah seperti dipohon untuk (i), (ii), (iii) dan (iv) dalam petisyen penggulungan bertarikh 2 Jun 1994 di lamp 1.

Petisyen dibenarkan.

Dilaporkan oleh Sarojah Arianayagam